



National Mortgage Corporation of Malaysia

## **CAGAMAS MERAIH RM17.1 BILION DALAM SEPARUH PERTAMA TAHUN 2025, MENGUKUHKAN KEPIMPINAN PASARAN**

**Kuala Lumpur, 17 Julai 2025** – Cagamas Berhad (“Cagamas”), Perbadanan Cagaran Malaysia, meneruskan prestasi kukuhnya dalam separuh pertama tahun 2025 dengan berjaya memperoleh dana berjumlah RM17.1 bilion.

Ini menandakan peningkatan yang ketara berbanding RM8.2 bilion yang diperoleh dalam tempoh yang sama pada tahun 2024. Pencapaian ini berlaku dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi global yang berterusan. Walaupun berdepan cabaran ini, Cagamas terus mengukuhkan kedudukannya sebagai tonggak pasaran modal hutang Malaysia dan penyedia kecairan yang boleh dipercayai kepada sistem kewangan negara.

Kameel Abdul Halim, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas berkata, “Dalam persekitaran yang dipengaruhi oleh perubahan dinamik perdagangan global dan tekanan inflasi, Cagamas kekal teguh dalam misinya untuk menyokong kestabilan kewangan negara. Keupayaan kami untuk memperoleh dana sebanyak RM17.1 bilion mencerminkan keyakinan yang diberikan oleh para pelabur serta kecekapan kami dalam mengharungi keadaan pasaran yang kompleks.”

Cagamas menduduki tempat kedua dalam kalangan penerbit utama bon ESG, dengan jumlah terbitan sebanyak RM800 juta, merangkumi RM500 juta Sukuk SRI Sosial ASEAN dan RM300 juta Bon Sosial ASEAN.

“Kami amat menghargai sokongan berterusan daripada para pelabur antarabangsa, yang menyerlahkan kredibiliti dan daya tahan Cagamas. Sokongan ini membolehkan Syarikat melaksanakan enam terbitan bon mata wang asing dengan jayanya dalam separuh pertama tahun ini, dengan jumlah kutipan sebanyak SGD893 juta atau bersamaan RM3.0 bilion. Terbitan-terbitan ini memanfaatkan pelbagai sumber kecairan global, mengukuhkan kehadiran Cagamas dalam pasaran modal antarabangsa, serta



National Mortgage Corporation of Malaysia

terus memberikan sokongan kepada institusi kewangan penjual aset dalam menghadapi saingan pasaran global," tambah Kameel.

Melangkah ke hadapan, Cagamas kekal fokus dalam memperkuuh pasaran gadai janji sekunder dan memajukan pembangunan pasaran modal. Usaha-usaha ini merupakan elemen penting bagi memastikan kecairan yang berterusan untuk pemberi pinjaman utama pembiayaan perumahan dan pinjaman rumah, terutamanya dalam keadaan penyesuaian semula ekonomi global yang semakin meningkat.



## Mengenai Cagamas

Cagamas Berhad (“Cagamas”), Perbadanan Cagaran Malaysia, telah ditubuhkan pada 1986 untuk menggalakkan tebaran pemilikan rumah yang lebih luas dan pertumbuhan pasaran gadai janji sekunder di Malaysia. Ia menerbitkan bon dan sukuk untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan daripada institusi kewangan dan bukan institusi kewangan. Penyediaan mudah tunai kepada institusi kewangan pada kos yang berpatutan kepada Peminjam utama pemberian perumahan menggalakkan pengembangan pemberian perumahan pada kos yang berpatutan.

Model Cagamas memperoleh pujian daripada Bank Dunia sebagai kemudahan mudah tunai gadai janji sekunder yang paling berjaya. Cagamas merupakan penerbit instrumen hutang kedua terbesar selepas Kerajaan Malaysia dan penerbit bon korporat dan sukuk AAA terbesar dalam pasaran. Sejak diperbadankan pada tahun 1986, Kumpulan Cagamas telah mengumpulkan dana secara kumulatif kira-kira RM462 bilion bon korporat dan sukuk.

Bon dan sukuk Cagamas terus diberikan penarafan tertinggi AAA/Stabil/P1 oleh RAM Rating Services Berhad dan AAA/MARC-1 dan AAA<sub>IS</sub>/MARC-1<sub>IS</sub> oleh Malaysian Rating Corporation Berhad, menandakan kualiti kreditnya yang kukuh. Cagamas juga dipuji di peringkat antarabangsa dan telah diberikan penarafan penerbit jangka panjang dalam mata wang tempatan dan asing A3 oleh Moody’s Investors Service Inc. yang selaras dengan penarafan kedaulatan Malaysia.

### **Cagamas Berhad**

No. Pendaftaran 198601008739 (157931-A)

Aras 32, The Gardens North Tower

Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra 59200 Kuala Lumpur

Tel: +603 - 2262 1800 | Faks: +603 - 2282 9125

[www.cagamas.com.my](http://www.cagamas.com.my)



National Mortgage Corporation of Malaysia

**Pertanyaan Media**

Lucia Wee

Tel: +603 - 2262 1868

[communications@cagamas.com.my](mailto:communications@cagamas.com.my)